

Headline	Memantau Perkembangan Mental Anak-anak		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	34	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	221 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,232
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,696



Memantau perkembangan mental anak-anak

SEMPENA pelancaran susu tepung baru dengan formulasi yang dipertingkatkan untuk kanak-kanak, Dutch Lady Malaysia baru-baru ini menyokong program "Nurture Nature 2015", satu ceramah anjuran WQ Park Health & Rehabilitation Centre, yang memaklumkan kepada ibu bapa bagaimana memantau perkembangan mental anak-anak boleh membantu mengelakkan kelewatan perkembangan kanak-kanak.

Dutch Lady NutriPlan dengan 5X DHA, rangkaian susu tepung rumusan untuk kanak-kanak menyediakan pemakanan yang disesuaikan mengikut empat tahap perkembangan mental utama kanak-kanak, menggesa ibu bapa Malaysia untuk menghargai dan meraikan setiap pencapaian penting anak-anak mereka pada tahap perkembangan yang berbeza.


Menerangkan penglibatan Dutch Lady dalam ceramah ini, pakar pemakanan korporat Loo Mei Fong berkata, setiap peringkat perkembangan kanak-kanak disertai oleh pencapaian kognitif dan pembedaan. Walaubagaimanapun, ibu bapa bertanggungjawab mengawasi pencapaian ini bagi memastikan anak-anak mereka

membesar dengan sihat dan gembira.

Antara topik utama termasuklah: *Parenting Tips for Child Development* oleh Dr Raja Juanita Raja Lope, pakar perunding pediatrik pembedaan, dan *Strategies to Promote Speech, Language & Communication* oleh Dr Hasherah Ibrahim, ketua program Sains Pertuturan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pencapaian kanak-kanak berbeza dari satu peringkat ke peringkat yang lain. Sebagai contohnya, pada usia 1 hingga 2 tahun, mereka akan mula berjalan dan mula pandai bercakap sepatah dua perkataan dan menunjukkan kepada sesuatu benda. Pada usia 2 hingga 4 tahun, kanak-kanak akan meningkatkan perkembangan bahasa mereka, dan mereka akan dapat bercakap dalam ayat yang pendek.

Pencapaian ini menjadi pengukur kepada ibu bapa mengawasi sama ada anak mereka membesar secara sihat. Sekiranya masih belum mencapai tahap yang sepatutnya pada usia tertentu, ibu bapa perlu peka dan mendapatkan penilaian asas daripada pakar-pakar secepat mungkin. Untuk maklumat lanjut, layari www.dutchlady.com.my.



Ahli-ahli panel menyokong usaha Dutch Lady menganjurkan Nurture Nature 2015 untuk ibu bapa.